

11.26 SEP 2003

# 35,000 unit rumah pangsa dibina atasi masalah setinggan

PUTRAJAYA 25 Sept. Kerajaan hari ini mengumumkan pembinaan 35,000 unit rumah pangsa bagi mengatasi sepenuhnya masalah setinggan di ibu negara menjelang 2003.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad berkata, bagi merealisasikan matlamat itu, kerajaan akan mempercepatkan proses memberikan kemudahan perumahan kepada penduduk setinggan terbabit.

Katanya, menyediakan kemudahan perumahan untuk penduduk setinggan supaya mereka tinggal di tempat yang lebih sesuai dan selesa bukanlah menjadi satu masalah kepada kerajaan.

“Bagaimanapun apa yang kerap kali berlaku ialah mereka (penduduk setinggan) memilih tempat dan kita tidak dapat mendirikan rumah pangsa di kawasan yang mereka kehendaki.

“Akibatnya kita terpaksa menempatkan mereka ke tempat lain kerana kita tidak mempunyai banyak tanah di Kuala Lumpur,” katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini.

## Lokasi baru

Perdana Menteri mengadakan sidang media itu untuk mengumumkan pakej RM4.3 bilion bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dalam negara menjelang akhir tahun.

Dr. Mahathir berkata, beliau berharap rancangan penempatan semua setinggan akan mendapat kerjasama media supaya memujuk penghuni kawasan terbabit berpindah ke lokasi baru yang disediakan.

Kepada satu soalan, katanya, setiap penempatan setinggan yang dipindahkan akan diroboh dan dipagar bagi mengelak kawasan yang ditinggalkan diceroboh oleh penduduk baru.

Ditanya mengenai kelemahan pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah setinggan sebelum ini, Dr. Mahathir berkata ia disebabkan tiada arahan khusus daripada kerajaan sebelum ini.

Katanya, memandangkan kini arahan sudah dikeluarkan, beliau yakin masalah itu akan selesai.

Pada sidang media yang sama, beliau juga mengumumkan pengeluaran 5,000 lesen baru untuk penjaja di ibu negara.

Pemberian lesen itu, katanya adalah sebagai satu pendekatan bagi membantu golongan berkenaan.